

Pelajar poly dilatih bidang analitik data

► FARID HAMZAH
farid@sph.com.sg

MENGESAN ancaman siber menerusi penggunaan sofwe yang akan memantau dan menganalisis maklumat daripada alat seperti telefon, mesin di kilang dan juga sistem lampu trafik.

Itulah sasaran yang ingin dikecapi menerusi satu kerjasama antara Politeknik Nanyang (NYP) dengan firma sofwe Amerika Syarikat, Splunk Inc, baru-baru ini.

Pusat politeknik itu akan melatih jurutera dan pelajar cara menggunakan sofwe Splunk.

Ini bermakna selepas maklumat tersebut dianalisis, jurutera dan pelajar akan dapat mengesan dari mana serangan bermula dan secara proaktif menjadikan sistem tersebut lebih selamat.

Selain keselamatan siber, analitik data juga mendapat permintaan tinggi di serata dunia sedang syarikat kini saling bersaing.

Pengarah Sekolah Teknologi Maklumat, NYP, Encik Dennis Ang, berkata:

“Kini, banyak alat, tidak kira telefon, mesin di kilang, dan juga sistem lampu trafik yang ‘bijak’ – bermakna ia boleh dirangkaikan.

“Tapi ia juga bermakna ia lebih terdedah kepada serangan.”

Cik ‘Ainul Mardiyah Zil Husham, 19 tahun, yang merupakan pelajar Diploma Informatik Kewangan, berkata:

“Terdapat banyak perkembangan di sebalik industri analitik data.

“Saya gembira apabila mendapat tahu bahawa pelajar mempunyai peluang menggunakan sofwe analitik data, yang akan melengkapi kami dengan kemahiran yang diperlukan di tempat kerja hari ini.

“Ia amat penting bagi kerjaya saya pada masa akan datang, kerana



PERSIAPAN MASUKI DUNIA PEKERJAAN: Cik ‘Ainul Mardiyah (kanan) menganggap peluang menggunakan sofwe analitik data akan melengkapinya dengan kemahiran yang diperlukan di tempat kerja. – Foto VALERIE CHUA

menerusi statistik data dan analitik.

“Apa yang diperolehi boleh digunakan banyak industri,” katanya lagi.

Menurut laporan akhbar *The Straits Times*, sektor analitik data dijangka menyumbang sekurang-kurangnya \$1 bilion kepada ekonomi menjelang 2017.

Baru-baru ini, sebuah hospital telah menjalankan analitik data bagi meramalkan adakah pesakit akan menghidap jangkitan bakteria serius dan kemudian mereka berjaya menguruskan situasi itu secara proaktif.

Laporan itu juga memetik

bagaimana sebuah bank menggunakan data bagi menawarkan pilihan melancong kepada pelanggannya.

Politeknik di sini telah memperkenalkan kursus diploma baru itu selain kursus pengkhususan sambilan.

Encik Ang berkata sekolah itu akan menyepadukan analitik di Sekolah Teknologi Maklumat dan Sekolah Kejuruteraannya, selain bekerjasama dengan peneraju industri seperti Splunk, bagi memberi pelajar kelebihan pada masa akan datang.